

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

8. Tapak pelupusan sampah haram di Bukit Teh masih tidak dibersihkan sehingga kini.
 - (a) Nyatakan kesan dan impak tapak pelupusan sampah haram tersebut kepada alam sekitar dan kualiti air bawah tanah.
 - (b) Memandangkan tindakan mahkamah dah selesai, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan tuan tanah bersihkan tapak tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. (a) Jabatan Alam Sekitar (JAS) memaklumkan bahawa sisa-sisa buangan yang ditemui di tapak pelupusan sampah haram di Bukit Teh adalah sisa buangan binaan dan makanan. Oleh itu, impak terhadap air bawah tanah adalah sangat minima. Impak alam sekitar yang lain juga tidak signifikan melainkan jika berlakunya pembakaran terbuka dan pelupusan haram buangan terjadual.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil tindakan terhadap tuan tanah dengan mengeluarkan notis supaya memulihkan semula tanah kepada keadaan asal dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang bertarikh 3 Mei 2019 iaitu bagi kesalahan menjalankan pemajuan yang melibatkan kerja tanah tanpa kebenaran merancang daripada MBSP di bawah seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Walau bagaimanapun notis tersebut gagal dipatuhi dan MBSP telah memfaikan notis rayuan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 19 Februari 2020. Rayuan ini akan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan MBSP masih belum mendapat maklum balas berhubung rayuan kes tersebut daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Selain itu, MBSP turut mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan-kesalahan lain oleh tuan tanah seperti di **LAMPIRAN A**. Memandangkan pendakwaan dimahkamah belum lagi selesai, maka kerja pembersihan tapak tidak dilakukan oleh tuan tanah.

LAMPIRAN A

SENARAI TINDAKAN MAHKAMAH BERHUBUNG KES PELUPUSAN SAMPAH HARAM DI BUKIT TEH, SEBERANG PERAI TENGAH

1. **Kesalahan** : Menjadikan tapak pelupusan sisa perindustrian, sisa perdagangan, sisa pembersihan tanah dan pelbagai sisa pepejal iaitu kulit padi, kulit soya, oaten chaff, copra, sisa kacang benda yang telah diproses, sisa binaan, kayu pallet, plastik bekas-bekas tong dan lain-lain di bawah Undang-Undang Kecil 6, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap MPSP 1994.
Hukuman : Jika disabitkan dengan kesalahan, akan dikenakan denda tidak lebih daripada RM2,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 1 tahun.
Status : Orang Kena Saman (OKS) telah mengaku bersalah atas pertuduhan dan dikenakan denda sebanyak RM2,000.00 pada 20.06.2019 di Mahkamah Majistret (Munisipal) Bukit Mertajam.
2. **Kesalahan** : Tidak mematuhi notis menghendaki kacau ganggu dihapuskan di bawah seksyen 82(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*).
Hukuman : Jika disabitkan dengan kesalahan, denda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan selain daripada itu, Mahkamah Majistret boleh mengeluarkan suatu perintah kacau ganggu.
Status : Tindakan pendakwaan akan diambil di bawah seksyen 82(10) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) bagi kesalahan gagal mematuhi perintah kacau ganggu yang diputuskan oleh Mahkamah dan apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM100.00 bagi setiap satu hari selama tempoh peruntukan-peruntukan kacau ganggu itu tidak dipatuhi.
3. **Kesalahan** : Menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan MPSP di bawah seksyen 70A(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (*Akta 133*).
Hukuman : Jika disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 5 tahun atau denda tidak lebih daripada RM50,000.00 atau kedua RM500.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.
Status : Tarikh sebutan semula kes telah ditetapkan oleh Mahkamah Majistret (Munisipal) Bukit Mertajam pada 05.05.2020.
4. **Kesalahan** : Menjalankan pemajuan tanpa kebenaran merancang di bawah seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (*Akta 172*).
Hukuman : Jika disabitkan dengan kesalahan, denda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga RM5,000.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.
Status : MBSP telah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 19.02.2020. Rayuan ini akan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan MBSP masih belum mendapat maklum balas berhubung rayuan tersebut daripada Timbalan Pendakwa Raya.